

DAUN BESAR
Greater Leafbird

FAMILI: Chloropseidae
NAMA SAINTIFIK: *Chloropsis sonnerati*

CIRI-CIRI

Individu jantan dewasa bagi spesies ini mempunyai paruh yang kuat. Keseluruhan bulu badan berwarna hijau di mana bahagian muka berwarna hitam. Jalur pada bahagian rengkong berwarna biru keunguan. Pada bahagian bahu terdapat tompokan berwarna biru. Spesies ini hampir menyerupai spesies Daun Kecil, *C. cyanopogon*, cuma ia mempunyai paruh yang lebih panjang dan pada bahagian hadapan kepala tidak terdapat warna kuning atau jalur sempadan berwarna hitam pada bahagian rengkong. Individu betina dewasa pula mempunyai bulu yang berwarna hijau di mana pada bahagian rengkong dan sekeliling bahagian mata berwarna kuning. Jalur berwarna biru pada bahagian rengkong adalah lebih pudar. Bagi individu juvenil pula, ia hamper menyerupai individu betina dewasa tetapi warna bulu adalah lebih pudar dan bahagian sayap yang berwarna coklat gelap. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 20.5-22.5 sm.

MAKANAN

Terdiri daripada serangga-serangga kecil, buah-buahan bersaiz kecil seperti dari jenis buah beri dan nektar.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap dan adakalanya dijumpai di kawasan hutan paya bakau pada ketinggian sehingga ke 915 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi siulan yang berirama diselangi dengan bunyi *wi-i chaka-wiu chi-wiu*.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Mei.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.